

# PROGRAM E-LEARN AND EXPLORE: ENHANCING DIGITAL SKILLS AND EXPANDING LIBRARIES (E-LEAD)

Oleh Sharin Sulaiman dan Pelajar Semester 5A

Program khidmat komuniti yang bertajuk e-Learn and Explore: Enhancing Digital Skills and Expanding Libraries (e-LEAD) telah diadakan bertempat di Perpustakaan Desa, Kampung Telaga Air, Padawan, Sarawak pada 30 Jun 2024 (Ahad). Program ini merupakan sebahagian daripada keperluan kerja kursus silibus kod kursus IMD317 (Outreach Programs in Information Agencies) – subjek yang berteraskan Service – Learning Malaysia University for Society (SULAM) yang diselia oleh Encik Sharin bin Sulaiman, pensyarah kanan Pusat Pengajian Sains Maklumat. Para pelajar yang terlibat adalah pelajar semester lima (5) dari kumpulan IM1105A, Diploma Pengurusan Maklumat (CDIM110), Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Sarawak yang diketuai oleh Sharifah Eckqour Erymma binti Wan Sapri. Program ini melibatkan kerjasama antara Pusat Pengajian Sains Maklumat, Majlis Pemandaran Padawan (MPP) Sektor Perpustakaan, JKKK Kampung Telaga Air yang diketuai oleh Encik Zaini bin Tanggek dan Atendan Perpustakaan Desa Kampung Telaga Air iaitu Cik Nur Syamimi binti Zaini.



Aktiviti Bengkel Kemahiran Digital bersama kanak-kanak dan remaja Kampung Telaga Air



Pelajar Semester 5 Pusat Pengajian Sains Maklumat (PPSM) UiTM Sarawak sebagai penganjur dan fasilitator untuk program e-Learn and Explore: Enhancing Digital Skills and Expanding Libraries (e-LEAD)

Antara tujuan utama program ini adalah memberikan kesedaran terhadap penggunaan sumber Perpustakaan, meningkatkan kemahiran dan pemikiran rasional dan adaptabiliti dalam era digital serta membina jaringan komuniti antara pelajar Pusat Pengajian Sains Maklumat dengan penduduk setempat. Pengisian program ini adalah bengkel kemahiran digital, derma buku (hasil derma daripada pelajar dan para pensyarah) dan pengindahan sudut bacaan kanak – kanak dan kembara maklumat. Program ini melibatkan seramai 25 orang peserta yang terdiri daripada kanak – kanak dan remaja yang tinggal di Kampung Telaga Air.

Aktiviti Bengkel Kemahiran Digital diadakan dengan para peserta dibahagikan kepada kumpulan kecil namun terdapat masalah dari aspek akses kepada kemudahan Internet. Walau bagaimana pun, bengkel ini diteruskan dengan para pelajar menggunakan telefon bimbit masing – masing untuk mengajar para peserta menggunakan aplikasi Canva. Sebelah petangnya, para peserta dikumpulkan di hadapan pentas di sebelah perpustakaan untuk sesi taklimat bagi Kembara Maklumat. Peserta dipecahkan kepada 5 kumpulan dan setiap kumpulan diberikan nama binatang.

Pelajar PPSM sedang menyusun buku-buku bagi mengindahkan sudut bacaan kanak-kanak

Kumpulan ini kemudiannya berpecah ke check point yang berasingan bagi melalui aktiviti pada check point yang ada. Selepas tamat kembara ilmu, para peserta dikumpulkan semula untuk aktiviti permainan lain seperti tangkap pantas, maju mundur dan sebagainya sebelum majlis penutupan bermula.

Majlis Penutupan dirasmikan oleh Haji Murshidi bin Johari, penghulu Kampung Telaga Air dan turut dihadiri oleh Encik Zaini bin Tanggek, Ketua Kaum Kampung Telaga Air dan para peserta untuk sesi penyampaian hadiah. Program ini tamat sekitar pukul 5.00 petang dan para pelajar berharap akan datang kembali ke Perpustakaan Desa Telaga Air sebagai lokasi untuk pelaksanaan program khidmat komuniti di masa hadapan.

